



ISLAM TUNJANG PERPADUAN
8 Januari 2016M/ 27 Rabiulawwal 1437H

الْحَمْدُ لِلَّهِ الَّذِي عَلَّمَ وَأَنْعَمَ، وَهَدَانَا بِالْقُرْآنِ لِتِي هِيَ أَقَوْمٌ،

قَالَ تَعَالَى: أَعُوذُ بِاللَّهِ مِنَ الشَّيْطَانِ الرَّجِيمِ

وَأَعْتَصِمُوا بِحَبْلِ اللَّهِ جَمِيعًا وَلَا تَفَرَّقُوا وَاذْكُرُوا نِعْمَتَ اللَّهِ عَلَيْكُمْ إِذْ كُنْتُمْ أَعْدَاءً فَأَلَّفَ بَيْنَ قُلُوبِكُمْ فَأَصْبَحْتُمْ بِنِعْمَتِهِ إِخْوَانًا وَكُنْتُمْ عَلَى شَفَا حُفْرَةٍ مِنَ النَّارِ فَأَنْقَذَكُمْ مِنْهَا كَذَلِكَ يُبَيِّنُ اللَّهُ لَكُمْ آيَاتِهِ

لَعَلَّكُمْ تَهْتَدُونَ ﴿١٠٣﴾

أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ، وَأَشْهَدُ أَنَّ سَيِّدَنَا مُحَمَّدًا عَبْدَهُ وَرَسُولَهُ، اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ، وَعَلَى آلِهِ وَأَصْحَابِهِ وَمَنْ تَبِعَهُمْ بِإِحْسَانٍ إِلَى يَوْمِ الدِّينِ. أَمَّا بَعْدُ، فَيَا عِبَادَ اللَّهِ، اتَّقُوا اللَّهَ، أَوْصِيكُمْ وَإِيَّايَ بِتَقْوَى اللَّهِ وَطَاعَتِهِ، فَقَدْ فَازَ الْمُتَّقُونَ.

Sidang jemaah yang dirahmati Allah,

Dalam kesibukan kita mengharungi kehidupan seharian, jangan kita lupa bahawa kita adalah khalifah Allah di muka bumi ini yang mempunyai amanah dan tanggungjawab masing-masing terhadap Allah SWT. Renungkan sejenak, adakah kita tetap teguh memegang panji agama atau terus hanyut dibuai keseronokan nafsu duniawi. Ayuh bersama kita bersegera melakukan segala suruhan dan perintahNya serta menolak jauh sama sekali segala larangan dan tegahanNya. Pasak diri dengan keimanan,



perhiasa diri dengan ketaqwaan. Mudah-mudahan kita dijauhkan oleh Allah SWT daripada azab seksaan api neraka yang tidak terperi sakitnya.

Mimbar pada hari ini akan membicarakan khutbah bertajuk : **“ISLAM TUNJANG PERPADUAN”**.

Saudara-saudaraku yang dikasihi Allah,

Keamanan dan kesejahteraan adalah dua perkara yang cukup bermakna dan tidak mampu dinilai dengan wang ringgit. Dengan keamanan inilah, kita mampu untuk melaksanakan segala perintah Allah SWT dengan tenang dan tenteram tanpa merasa bimbang. Hal ini berbeza sama sekali dengan saudara-mara kita yang berada di Palestin, Syria dan Negara-negara Islam bergolak yang lain. Kehidupan mereka dihantui dengan hujan bom dan tembakan peluru tanpa henti. Telinga mereka telah lali dengan ribuan letupan setiap hari. Mata mereka sudah kering untuk menangihi kesyahidan ahli keluarga yang dicintai. Hati mereka cukup tabah menempuh liku-liku duniawi. Adakah kita semua gembira dengan situasi sebegini? Adakah kita sanggup mengharungi dugaan bertali arus bak lautan tidak bertepi??

Sesungguhnya Islam bukanlah Agama yang berteraskan keganasan seperti mana tuduhan yang dilemparkan oleh musuh-musuh Islam. Sebaliknya Islam adalah agama yang membawa rahmat ke seluruh alam. Ini bertepatan dengan firman Allah SWT di dalam Surah Al-Anbiyaa' ayat 107 :

وَمَا أَرْسَلْنَاكَ إِلَّا رَحْمَةً لِّلْعَالَمِينَ ﴿١٠٧﴾

Bermaksud : “dan tiadalah Kami mengutuskan Engkau (Wahai Muhammad), melainkan untuk menjadi rahmat bagi sekalian alam”.

Sebelum kedatangan Islam, dunia berada dalam kegelapan. Penyembahan berhala, sifat-sifat kebinatangan, penindasan terhadap golongan yang lemah dan wanita dijadikan tempat melepaskan nafsu, menjadi amalan hidup mereka. Bangsa Arab juga



berpecah belah. Perpecahan dan permusuhan di antara mereka berlarutan hingga ratusan tahun.

Setelah kehadiran rahmat Islam di bawah kepimpinan Nabi Muhammad SAW, bangsa Arab akhirnya telah disatukan. Mereka menjadi bangsa dan umat yang maju dalam pelbagai bidang, malah dapat mengalahkan dua kerajaan besar iaitu Rom dan Parsi. Selanjutnya para sahabat telah mengembangkan Islam ke seluruh pelusuk muka bumi dan terus tersebar megah hingga ke hari ini.

Para tetamu Allah yang diberkati,

Hari ini di Negara Malaysia yang kita cintai ini, maruah Islam mula diperlekeh dan diperkotak-katikkan. Institusi-institusi Islam tidak lagi dipandang mulia, malah dihina dan difitnah sesuka hati. Amat menyedihkan lagi, apabila yang memperlekehkan ini bukanlah dari orang-orang bukan Islam sebaliknya dari kalangan orang-orang yang mengaku beragama Islam sendiri ibarat musuh dalam selimut, bak gunting dalam lipatan. Hal ini amat mengejutkan dan memberi tamparan kepada seluruh umat Islam.

Kedudukan Islam sebagai Agama Persekutuan dalam Perlembagaan mula dipertikaikan secara terang-terangan tanpa merasa bersalah. Hak kebebasan bersuara yang kononnya menjadi asas kebenaran tindakan tersebut digunakan hanya untuk kepentingan peribadi, bukan lagi berteraskan roh perundangan yang sebenar.

Perbezaan fahaman politik dan ideologi yang seharusnya menjadi wadah percambahan ilmu yang boleh mengukuhkan lagi sesebuah bangsa, telah menjadi racun yang sangat berbisa. Pemahaman yang dangkal terhadap ilmu agama juga menyumbang kepada keadaan ini. Selain permusuhan politik, terdapat juga kumpulan-kumpulan dan gerakan tertentu yang cuba merobek maruah Islam. Hukum Allah dipersoal dan dipermainkan sesuka hati. Keadaan ini jika tidak dibendung, akan terus menjadi barah. Mengundang kemurkaan yang tiada penyudah. Akhirnya melemahkan perpaduan ummah.

Ingatlah akan pesanan Allah SWT dalam Surah Al-Hujurat ayat 10 :



إِنَّمَا الْمُؤْمِنُونَ إِخْوَةٌ فَأَصْلِحُوا بَيْنَ أَخَوَيْكُمْ وَاتَّقُوا اللَّهَ لَعَلَّكُمْ تُرْحَمُونَ ﴿١٠﴾

Bermaksud : “Sebenarnya orang-orang Yang beriman itu adalah bersaudara, maka damaikanlah di antara dua saudara kamu (yang bertelingkah) itu; dan bertaqwalah kepada Allah supaya kamu beroleh rahmat”.

Dalam usaha mencapai perpaduan hidup bermasyarakat dan bernegara, kita tidak terlepas dari menghadapi rintangan dan halangan. Sifat sombong dan bangga diri sering menjadi penghalang utama bagi seseorang untuk menerima pendapat atau buah fikiran orang lain. Sikap ini akan mendorong berlakunya keretakan dan perpecahan baik di peringkat rumah tangga, keluarga, masyarakat dan negara. Sikap ini juga sering membawa individu atau kumpulan melakukan keganasan dan kekerasan kepada orang lain. Kejiiran yang hidup dalam dunia kesombongan tidak akan menghiraukan jiran-jiran di sekitarnya. Tiada lagi bertegur sapa, tiada juga bertanya khabar berita, apatah lagi duduk bersua bergurau senda dan tertawa gembira. Amat sedih apabila jiran tetangga hanya dikenali apabila kenduri kendara, dihubungi jika berduka dan tatkala berlaku kecemasan semata-mata.

Saudara-saudaraku yang dikasihi Allah,

Perpecahan dan permusuhan merupakan perbuatan atau gejala masyarakat yang sangat dibenci oleh Islam. Nabi Muhammad SAW telah diutuskan oleh Allah untuk menyatupadukan umat manusia supaya mereka dapat hidup dalam keadaan aman dan damai. Perpecahan juga dikutuk kerana ia boleh melemahkan umat Islam dalam pelbagai keadaan serta menjadikan mereka lemah dan tidak mampu menghadapi cabaran yang semakin meruncing.

Selain dari mengakibatkan kegagalan, perpecahan juga akan menyebabkan hilangnya rahmat dan nikmat dari Allah. Mereka yang menyebabkan huru-hara dan permusuhan adalah termasuk golongan yang tidak bersyukur atas nikmat Allah yang menjadi salah satu syarat bagi bertambahnya nikmat itu, manakala mengkufurkannya akan



menempah bala' dan seksa dari Allah kerana Allah telah berjanji akan menambahkan nikmat yang disyukuri dan memberi azab apabila dikufuri.

Perpecahan juga boleh menyebabkan umat Islam hilang kehebatan di mata musuh iaitu tidak lagi menggerunkan mereka. Ini akan menyebabkan umat Islam ditindas dan diancam keselamatan nyawa, harta-benda dan aqidah. Ini dapat dilihat hari ini apabila di mana-mana sahaja di dunia ini keadaan umat Islam sangat lemah disebabkan permusuhan sesama sendiri. Di tanah Arab, Afrika, Asia, malah di negara kita Malaysia sendiri tidak terlepas dari bahaya permusuhan sesama sendiri. Akhirnya umat Islam kalah bukan kerana kekuatan pihak musuh, tetapi kalah kerana kelemahan umat Islam itu sendiri.

Penyebaran akidah yang salah di kalangan umat Islam juga merupakan salah satu faktor yang boleh memecahbelahkan perpaduan kita. Umat Islam di Malaysia berpegang kepada akidah Ahlul Sunnah wal Jamaah. Oleh itu, kita mestilah memastikan supaya pegangan ini dapat diteruskan dan dipertahankan. Perpecahan dan permusuhan di kalangan umat Islam akan mudah berlaku jika aspek akidah tidak diberi perhatian. Akhirnya, merebaknya ajaran atau fahaman yang mengelirukan dalam masyarakat. Justeru, marilah kita kembali menghayati peringatan Allah SWT dalam Surah Al-Anfal ayat 1:

يَسْأَلُونَكَ عَنِ الْأَنْفَالِ قُلِ الْأَنْفَالُ لِلَّهِ وَالرَّسُولِ فَأَتَقُوا اللَّهَ وَأَصْلِحُوا ذَاتَ بَيْنِكُمْ وَأَطِيعُوا اللَّهَ
وَرَسُولَهُ إِن كُنْتُمْ مُؤْمِنِينَ ﴿١﴾

Bermaksud: " Mereka bertanya kepadamu (Wahai Muhammad) tentang harta rampasan perang. katakanlah: "Harta rampasan perang itu (terserah) bagi Allah dan bagi RasulNya (untuk menentukan pembahagiannya). Oleh itu, bertaqwalah kamu kepada Allah dan perbaikilah keadaan perhubungan di antara kamu, serta Taatlah kepada Allah dan RasulNya, jika betul kamu orang-orang Yang beriman".

Sidang Jemaah yang dirahmati Allah,



Mengakhiri khutbah, marilah kita menghayati kesimpulan yang dapat diambil daripada khutbah pada hari yang mulia ini:

Pertama : Islam adalah Agama yang membawa rahmat ke seluruh alam tanpa mengira agama, bangsa, darjat mahupun keturunan;

Kedua : Perpecahan di kalangan umat Islam hanya memberi keuntungan dan peluang kepada musuh-musuh Islam untuk melemahkan umat Islam;

Ketiga : Ayuh kita bangkit semula untuk membina kembali kekuatan umat Islam melalui semangat perpaduan dan penyatuan yang merupakan nadi kegemilangan Islam dari dulu hingga kini dengan berpegang teguh pada ajaran Ahli Sunnah Wal Jamaah.

Firman Allah SWT dalam Surah Asy-Syuraa ayat 13 :

أَعُوذُ بِاللَّهِ مِنَ الشَّيْطَانِ الرَّجِيمِ

شَرَعَ لَكُمْ مِنَ الدِّينِ مَا وَصَّى بِهِ نُوحًا وَالَّذِي أَوْحَيْنَا إِلَيْكَ وَمَا وَصَّيْنَا بِهِ إِبْرَاهِيمَ وَمُوسَى وَعِيسَى أَنْ أَقِيمُوا الدِّينَ وَلَا تَتَفَرَّقُوا فِيهِ كَبُرَ عَلَى الْمُشْرِكِينَ مَا نَدْعُوهُمْ إِلَيْهِ اللَّهُ يَجْتَبِي إِلَيْهِ مَنْ يَشَاءُ وَيَهْدِي إِلَيْهِ مَنْ يُنِيبُ ﴿١٣﴾

Bermaksud : "Allah telah menerangkan kepada kamu di antara perkara-perkara agama Yang ia tetapkan hukumNya apa Yang telah diperintahkanNya kepada Nabi Nuh, dan Yang telah Kami (Allah) wahyukan kepadamu (Wahai Muhammad), dan juga Yang telah Kami perintahkan kepada Nabi Ibrahim dan Nabi Musa serta Nabi Isa, iaitu: "Tegakkanlah pendirian agama, dan janganlah kamu berpecah belah atau berselisihan pada dasarnya". berat bagi orang-orang musyrik (untuk menerima agama tauhid) Yang Engkau seru mereka kepadaNya. Allah memilih serta melorongkan sesiapa Yang dikehendakiNya untuk menerima agama Tauhid itu, dan memberi hidayah petunjuk kepada agamanya itu sesiapa Yang rujuk kembali kepadanya (dengan taat)".



بَارَكَ اللهُ لِي وَلَكُمْ بِالْقُرْآنِ الْعَظِيمِ، وَنَفَعَنِي وَإِيَّاكُمْ بِمَا فِيهِ مِنَ الْآيَاتِ وَالذِّكْرِ الْحَكِيمِ، وَتَقَبَّلَ مِنِّي وَمِنْكُمْ تِلَاوَتَهُ، إِنَّهُ هُوَ السَّمِيعُ الْعَلِيمُ. أَقُولُ قَوْلَ هَذَا وَاسْتَغْفِرُ اللهُ الْعَظِيمَ لِي وَلَكُمْ، وَلِسَائِرِ الْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ، وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ، بِرَحْمَتِكَ يَا أَرْحَمَ الرَّاحِمِينَ. فَاسْتَغْفِرُوهُ يَا فَوْزَ الْمُسْتَغْفِرِينَ وَيَا نَجَاةَ التَّائِبِينَ .



خطبة كدوا

الْحَمْدُ لِلَّهِ وَبِإِيَّاهِ الصَّالِحِينَ، وَالْعَاقِبَةُ لِلْمُتَّقِينَ، وَلَا عُدْوَانَ إِلَّا عَلَى الظَّالِمِينَ، وَالصَّلَاةُ
وَالسَّلَامُ عَلَى إِمَامِ الْمُرْسَلِينَ، وَقُدُوةِ النَّاسِ أَجْمَعِينَ، وَعَلَى آلِهِ وَأَصْحَابِهِ وَمَنْ تَبِعَهُمْ
بِإِحْسَانٍ إِلَى يَوْمِ الدِّينِ.

أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ، الْمَلِكُ الْحَقُّ الْمُبِينُ، وَأَشْهَدُ أَنَّ سَيِّدَنَا
مُحَمَّدًا عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ، صَادِقُ الْوَعْدِ الْأَمِينِ.

أَمَّا بَعْدُ، فَيَا عِبَادَ اللَّهِ، اتَّقُوا اللَّهَ وَكُونُوا مَعَ الصَّادِقِينَ، وَحَافِظُوا عَلَى الطَّاعَةِ
وَحُضُورِ الْجُمُعَةِ مَعَ الْمُصَلِّينَ. وَاعْلَمُوا أَنَّ اللَّهَ سُبْحَانَهُ وَتَعَالَى أَمْرُهُ بِأَمْرٍ بَدَأَ فِيهِ
بِنَفْسِهِ وَتَنَّى بِمَلَائِكَتِهِ الْمُقَرَّبِينَ. فَقَالَ اللَّهُ تَعَالَى مُخْبِرًا وَأَمْرًا بِالْمُؤْمِنِينَ :

إِنَّ اللَّهَ وَمَلَائِكَتَهُ يُصَلُّونَ عَلَى النَّبِيِّ يَا أَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا صَلُّوا عَلَيْهِ وَسَلِّمُوا تَسْلِيمًا



اللَّهُمَّ صَلِّ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِ سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ كَمَا صَلَّيْتَ عَلَى سَيِّدِنَا إِبْرَاهِيمَ وَعَلَى
آلِ سَيِّدِنَا إِبْرَاهِيمَ وَبَارِكْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِ سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ كَمَا بَارَكْتَ عَلَى
سَيِّدِنَا إِبْرَاهِيمَ وَعَلَى آلِ سَيِّدِنَا إِبْرَاهِيمَ فِي الْعَالَمِينَ إِنَّكَ حَمِيدٌ مُجِيدٌ.



وَارْضَ اللَّهُمَّ عَنِ الْأَرْبَعَةِ الْخُلَفَاءِ الرَّاشِدِينَ سَادَاتِنَا أَبِي بَكْرٍ وَعُمَرَ وَعُثْمَانَ وَعَلِيَّ،
وَعَنْ أَزْوَاجِ نَبِيِّنَا الْمُطَهَّرَاتِ وَعَنْ أَهْلِ بَيْتِهِ وَقَرَابَتِهِ وَسَائِرِ الصَّحَابَةِ وَالتَّابِعِينَ وَمَنْ
تَبِعَهُمْ بِإِحْسَانٍ إِلَى يَوْمِ الدِّينِ. وَارْضَ عَنَّا بِرَحْمَتِكَ يَا أَرْحَمَ الرَّاحِمِينَ.

اللَّهُمَّ اغْفِرْ لِلْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ الْأَحْيَاءِ مِنْهُمْ وَالْأَمْوَاتِ. اللَّهُمَّ
أَنْزِلِ الرَّحْمَةَ عَلَى السَّلَاطِينِ الْكِرَامِ وَوَلَاةِ الْمُسْلِمِينَ الْعِظَامِ الَّذِينَ قَضَوْا بِالْحَقِّ وَبِهِ
كَانُوا يَعْدِلُونَ، وَخُصُوصًا عَلَى سِرِي قُدُوكِ بِكَيْنِدَا يَغِ دَفْرَتَوَانِ اِكُوغِ الْمُعْتَصِمِ بِاللَّهِ
مُحِبِّ الدِّينِ تَوَانِكُو الْحَاجِّ عَبْدِ الْحَلِيمِ مُعَظَّمِ شَاهِ ابْنِ الْمَرْحُومِ سُلْطَانِ بَدَلِي شَاهِ،
وَعَلَى سِرِي قُدُوكِ بِكَيْنِدَا رَاجِ فَرْمَايسُورِي اِكُوغِ تَوَانِكُو حَاجِهِ حَمِينِهِ.

اللَّهُمَّ أَطْلُ عُمْرَهُمَا مُصْلِحِينَ لِلْمَوْطِنِينَ وَالرَّعِيَّةِ وَالْبِلَادِ، وَبَلِّغْ مَقَاصِدَهُمَا لِطَرِيقِ
الْهُدَى وَالرَّشَادِ. اللَّهُمَّ اجْعَلْ مَالِيزِيَا وَسَائِرَ بِلَادِ الْمُسْلِمِينَ طَيِّبَةً آمِنَةً مُطْمَئِنَّةً رَاحِيَةً،
يَا رَوْوَفُ بِالْعِبَادِ.

اللَّهُمَّ انصُرْ مَنْ نَصَرَ الدِّينَ، وَاخْذُلْ مَنْ خَذَلَ الْمُسْلِمِينَ، وَأَعْلِ كَلِمَتَكَ إِلَى يَوْمِ
الدِّينِ، وَدَمِّرْ أَعْدَاءَكَ أَعْدَاءَ الدِّينِ.

Ya Allah, Engkaulah Tuhan Yang Maha Pemurah dan Maha Penyayang, kami bersyukur di atas segala nikmat dan rahmat yang Engkau kurniakan, berilah hidayah dan petunjuk kepada kami dan pemimpin-pemimpin kami, kukuhkanlah perpaduan



antara kami, satukanlah hati-hati kami di atas jalan-Mu, permudahkanlah segala urusan kami, tambahkanlah kami dengan ilmu yang bermanfaat, suburkanlah jiwa kami dengan akhlak yang mulia, pimpinlah kami ke jalan yang Engkau redhai, teguhkanlah iman kami dalam menempuhi segala mihnah dan ujian-Mu, kekalkanlah keamanan kami dan kesejahteraan negeri kami Wilayah Persekutuan agar sentiasa aman dan makmur.

رَبَّنَا لَا تُزِغْ قُلُوبَنَا بَعْدَ إِذْ هَدَيْتَنَا وَهَبْ لَنَا مِنْ لَدُنْكَ رَحْمَةً إِنَّكَ أَنْتَ الْوَهَّابُ. رَبَّنَا
آتِنَا فِي الدُّنْيَا حَسَنَةً وَفِي الْآخِرَةِ حَسَنَةً وَقِنَا عَذَابَ النَّارِ.
عِبَادَ اللَّهِ،

إِنَّ اللَّهَ يَأْمُرُ بِالْعَدْلِ وَالْإِحْسَانِ وَإِيتَايَ ذِي الْقُرْبَىٰ وَيَنْهَىٰ عَنِ الْفَحْشَاءِ وَالْمُنْكَرِ

وَالْبَغْيِ يَعِظُكُمْ لَعَلَّكُمْ تَذَكَّرُونَ ﴿١٠﴾

فَاذْكُرُوا اللَّهَ الْعَظِيمَ يَذْكُرْكُمْ، وَاشْكُرُوا عَلَىٰ نِعْمِهِ يَزِدْكُمْ، وَاسْأَلُوهُ مِنْ فَضْلِهِ يُعْطِكُمْ

وَلَذِكْرُ اللَّهِ أَكْبَرُ، وَاللَّهُ يَعْلَمُ مَا تَصْنَعُونَ.